



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **MPSPK** adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini.

BIL.	TAJUK	NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG
1.	Sebut Harga Perkhidmatan Pencucian dan Pembersihan Kompleks SP Plaza, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	03 / 2019 (PT) SP PLAZA	221001

HARGA DOKUMEN : RM 15.00 SENASKAH (TUNAI)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Seksyen Perolehan, Jabatan Kewangan, Tingkat 4, Menara MPSPK** mulai **04 Ogos 2019 (Ahad)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad – Rabu : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari
2.15 petang hingga 4.45 petang
Khamis : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari
2.15 petang hingga 3.15 petang

Pembekal atau wakil pembekal dikehendaki membawa dokumen asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal** yang dikeluarkan oleh **MPSPK**.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **14 Ogos 2019 (Rabu)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, bertulis nama tawaran dan nombor sebut harga dan dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan), Tingkat 4, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.